



ML2205-164
SASTERA MELAYU
(SAJAK)

วรรณกรรมมลายู

DISUSUN OLEH

1. ADLEE WAYAYOH
2. ASREE SALAEMAE

JABATAN BAHASA MELAYU
FAKULTISASTERA DAN SAINS KEMASYARAKATAN
UNIVERSITI FATONI

BASIKAL KUNING

Di pinggir jalan raya
hijauan rumput lembut menghirup embun
jauh di mata emasannya menari di sempadan pantai
Kakiku berhenti memintal dari mengayuh
turun aku dari badan basikal yang agak tinggi
tapi kami belum berpisah

Aku pimpin dua tangannya ke lorong sempit
Percayalah lorong membawa kami ke pasir bersih
Di tepi pantai indah dan bersejarah
Angin meniup bulatan bunga rumput
Kelihatan tajam dan berjejari
Ketam berikrar mencari lubang
Dan langit tidak bogel
Ia melakon pelangi di tengah laut

Keruhan air mula bersenyum
Kelip-kelipan berkilau-kilauan
Berkelilingan badan
Titisan hujan lembut melintas cahaya matahari,
Pada pagi, waktu panas belum berfungsi
Hanya aku dengan basikal berwarna kuning
Di masa badan sedang lelah letih
Di saat peluh menitis kulit
Semua melepaskan aku

Dari tangan basikal yang tak pandai bergaya
Kakiku terlucut dari sandal
Menumbuk ke pasir dingin lembap
Badan kiam dan tangan menggenggam

Sulit hatiku berbicara
Gembira atau duka aku merasa
Mujur hati berpisah dengan akal
Akal lebih tinggi tempatnya
Agak nafsu tak boleh bergantung
Juga memerintah sesuka hati
Kerana semangat masih mencari semangatnya

Adlee Wayayoh

AKU ANAK PATANI

Sebiji bawang merencikkan khasiatnya
Membasuhkan kabur, selama aku mengharungi
Bawang merah dihiris oleh tenagaku
Seorang anak jantan
Dan sebilah tipis tajam

Beratnya nasibku seorang anak Patani
Surut menjadi padang, pasang menjadi sungai
Adakah aku tidak mahu menyemberang
Walau kayuh dengan dua tangan
Basah dengan kesepian

Jangan usirku dengan kehangitan nafsu
Sebenar-benarnya aku bukan biasa
Landasanku seorang anak pahlawan
Dari tapak moyang peta berkesan
Berpedoman membangkit tujuan

Adlee Wayayoh

PANTAIKU

Aku berdiri di tepi pantai
Angin bertiup sebelah telinga kiri
Aku lihat
Aku lihat cuaca cerah ceria
Aku berjalan ke arah laut
Aku lihat laut
Laut luas air dalam
Apa yang terjadi
Ini kejadian alam
Aku lihat nelayan berkerja
Sungguhny susah mendapat rizki
Letih lelah dan lesu
Panas benar mata berpusing
Peluh mengalir basah muka dan baju
Banyak sabar kuat tenaga
Hidup berkat berkerja yang suci

Karya oleh: Asree Salaemae